



MDSB digesa baik pulih taman permainan kanak-kanak Tonggak 10

Peralatan rosak, undang bahaya

Oleh MOHD HUSSAIRY SIDEK
kota@utusangroup.com.my

■ SABAK BERNAM 26 JULAI

MAJLIS Daerah Sabak Bernam (MDSB) diminta menjalankan kerja-kerja baik pulih kemudahan di taman permainan kanak-kanak di Tonggak 10, di sini yang rosak sejak beberapa bulan lalu.

Rata-rata pengunjung meluahkan rasa bimbang terhadap keselamatan anak-anak mereka apabila banyak peralatan di taman permainan di situ rosak teruk.

Seorang pengunjung, Rosilah Rosli, 32, berkata, dia yang kerap ke taman permainan itu mendapati bahagian seperti dinding plastik pada gelongsor itu telah



ROSILAH ROSLI

ISU RAKYAT

lama pecah sejak sekian lama.

Namun katanya, sehingga hari ini tiada kerja-kerja baik pulih mahupun penggantian peralatan dilakukan pihak bertanggungjawab.

“Keadaan ini jika dibiarkan berterusan boleh mengundang bahaya kepada pengunjung terutama kanak-kanak,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Rosilah berkata, MDSB sewajarnya memantau keadaan itu dan mungkin boleh menutup sementara taman permainan itu untuk kerja-kerja baik pulih.

“Kita tidak mahu, kalau ada kes tertentu seperti cedera terkena serpihan plastik yang tajam baru tindakan mahu diambil pihak berwajib,” katanya.

Seorang lagi pengunjung Quah Yi Qian, 31, berkata, pihak bertanggungjawab perlu memandang serius masalah kerosakan peralatan di taman permainan di situ.

Katanya, ini bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung terjamin.

“Taman permainan itu baru sahaja dinaik taraf kira-kira dua bulan lalu, namun sudah ada kerosakan berlaku pada alat permainan terbabit.

“Kita harap kerja naik taraf ini bukanlah projek sia-sia, hari ini dibaik pulih, esok sudah rosak,” kata-nya.

Yi Qian berkata, menjadi tanggungjawab pengunjung juga untuk memastikan kemudahan awam itu dijaga dengan baik.

MDSB sewajarnya memantau keadaan itu dan mungkin boleh menutup sementara taman permainan itu untuk kerja-kerja baik pulih.”

ROSILAH ROSLI
Pengunjung

BAHAGIAN dinding plastik pada gelongsor rosak teruk dan berlubang.



KEROSAKAN pada peralatan di taman permainan kanak-kanak di Tonggak 10, Sabak Bernam, Selangor menimbulkan kebimbangan ibu bapa.

